

## Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan



**Petugas barisan** hadapan menunggu giliran untuk menerima suntikan vaksin pada Program Imunisasi COVID-19, Negeri Pahang di Kuantan, semalam.  
(Foto Farizul Hafiz Awang/BH)

# ‘Rujuk ulama dunia fatwa ambil vaksin’

Berita Harian (27/07/2020)

# Kerajaan Malaysia dapatkan saranan, pertimbang pelbagai pandangan pakar

bukan seorang Muslim,” katanya. Sementara itu, Pensyarah Kanan Fiqh Fatwa Pusat Kajian Syariah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Datuk Dr Mohd Izhar Ariff Mohd Kasim, menegaskan tiga sumber menentukan hukum pengambilan vaksin adalah harus.

Katanya, jika ada bukti mengatankan vaksin itu najis, maka ia perlu dibuktikan dengan fakta saintifik dan bukannya secara membabi buta.

Beliau berkata, penentuan hukuman penggunaan vaksin bukan saja dibuat oleh mufti, malah turut membabitkan kajian saintifik pakar bagi menentukan kandungan dalamnya.

“Pertama ada tak sumber haiwan yang tak disembelih? Kedua, ada tak khinzir dalam itu. Ketiga, kalau ada bahan yang boleh datangkan mudarat dan boleh jadinya haram.

“Konklusi dan hukum vaksin haram asalnya harus. Hukumnya asalnya haram, ada tak ketiga-tiga sumber tadi?”

“Kementerian Kesihatan (KKM) sudah maklumkan tiada sumber haiwan. Jadi terbatal satu perkara.

“Kalau betul ada babi sila buktikan. Kalau KKM cakap tak ada, farmaseutikal cakap tak ada, maka nombor dua tak ada mengandungi khinzir. Ketiga ada tak sumber boleh datangkan mudarat seperti bahan kimia?”

“KKM sudah buktikan dan kajian dibuat di luar negara juga terbukti. Jangankhuatir. Kita pegang apa yang difatwakan oleh mufti. Balik kepada asas, kalau mufti cakap halal, halal. Kalau KKM cakap harus, haruslah. Halal Insya-Alah,” katanya.

MIS 02

sama, kita boleh tengok Syria pun sama. Kalau macam ini, takkan ulama tidak cuba nak jaji.

“Justeru, apabila pihak Muza-karah Fatwa Kebangsaan membuat keputusan, pandangan mereka itu sebenarnya senada dengan apa yang berlaku di seluruh dunia,” katanya ketika menyertai Forum Perdana Ehwat Islam bertajuk ‘Vaksin Cegah Sebelum Kallah’, malam kelmarin.

Forum itu menampilkan sembilan ahli panel yang terdiri daripada mufti, pensyarah universiti, pendakwah dan pakar perubatan.

Mengulas lanjut, Zulkifli menegaskan, apa yang pihaknya lakukan tidak lain daripada memastikan rakyat Malaysia hidup sihat dengan mengambil kira pandangan ahli agama dan pakar bidang tertentu.

Beliau berkata, pihaknya tidak ada niat melainkan untuk melakukan yang terbaik kepada negara dan masyarakat dalam tempoh sukar ketika ini akibat penularan COVID-19.

“Yang dihujah oleh tokoh dan digabung pakar. Insya-Allah tidak ada niat lain, melainkan yang baik dan melakukan yang terbaik untuk negara dan masyarakat,” katanya.

Mufti Perlis, Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin, pula berkata Nabi Muhammad SAW sendiri turut merujuk pakar perubatan pada zaman itu, jika ada sahabat yang sakit.

“Nabi Muhammad SAW akan merujuk pakar perubatan, Al-Harith ibn Kaladah, walaupun beliau

Oleh Fahmy A Rosli  
fahmy.azril@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Malaysia turut mendapatkan pandangan ulama dunia serta penjelasan pakar kesihatan, dalam perbincangan sebelum memutuskan fatwa hal berkaitan COVID-19, termasuk pengambilan vaksin oleh umat Islam di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwat Agama), Senator Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, berkata ulama dunia juga merujuk golongan pakar bagi mengetahui lebih lanjut masalah dihadapi, sebelum mengusahakan penyelesaiannya.

Beliau berkata, penggabungan pandangan atau hujah agamawan dan pakar tertentu perlu untuk memahami sesuatu isu, sekali gus membolehkan sesuatu fatwa dikeluarkan bersesuaian keadaan semasa.

Katanya, beliau sendiri menghantar surat kepada beberapa ulama terkemuka bagi memohon penjelasan isu berkaitan vaksin, antaranya Imam Besar Al-Azhar, Sheikh Ahmed el-Tayeb; Mufti Mesir; Shawki Allam dan Pengerusi Majlis Fatwa Kerajaan Emiriah Arab Bersatu, Syekh Abdullah Ben Bayyah.

“Rata-rata mereka berfatwa bersandarkan rujukan pakar (bidang kesihatan) bagi memastikan vaksin ini (vaksin COVID-19) selamat dan halal digunakan.

“Saya turut bertemu imam Mesir; tanya solat sana rapat atau jarak? Turki pun sama, Makkah pun